

31/10/2003

Afrini teringat hutang RM30

By Ahmad Asyadi

PENULIS veteran Afrini Adham, 77, atau nama sebenarnya Ahmad Ariffin tidak pernah melupai hutangnya sebanyak RM30 kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad walaupun lebih 30 tahun hutang itu tertunggak dan tidak berbayar.

Afrini yang masih aktif menulis walaupun dalam meniti usia senjanya, tidak pasti sama ada Dr Mahathir masih ingat akan peristiwa pada pagi dua hari menjelang Aidilfitri 1971 apabila menyeluk sakunya dan menghulurkan RM30 kepada kenalannya itu.

"Walaupun tidak rapat kami saling mengenali dan bertegur sapa hampir setiap hari ketika berselisih jalan atau ketika sama-sama berniaga di Pekan Rabu bersama beberapa rakan lain sebelum Mahathir memulakan kerjaya sebagai seorang doktor perubatan Melayu pertama di Kedah khususnya di Alor Star.

"Kesempitan hidup dan ketiadaan wang untuk keperluan menyambut Aidilfitri lebih-lebih lagi mengingatkan anak-anak dan isteri, saya mengambil keputusan untuk berjumpa Dr Mahathir di Klinik Maha di Pekan Melayu, Alor Star," katanya.

Afrini berkata, kesempatan mengenali hati budi Dr Mahathir sejak sekian lama kerana rumah mereka tidak jauh antara satu sama lain, serta namanya yang gah di kalangan masyarakat mengatakan Dr Mahathir amat bersimpati dengan nasib mereka yang miskin datang ke kliniknya, mendorongnya mendapatkan bantuan daripadanya.

Katanya, kerunsingan yang amat sangat kerana tidak ada wang untuk menyambut hari raya menyebabkannya memberanikan diri untuk ke klinik itu.

"Seperti pesakit lain saya mendaftar dan menunggu giliran untuk menemuinya dan ketika masuk dia bertanya `sakit apa?'.

"Terus terang saya memberitahunya bahawa "saya mai jumpa Det nak minta RM30 untuk belanja raya.

"Tanpa banyak soal dia terus seluk poket dan bagi RM30. Saya tanya nak kira macam mana?. `Kalau ada bayar', kata beliau."

Sebagai seorang pejuang kemerdekaan bersama pejuang lain menentang Malayan Union, Afrini turut berjuang dengan penanya melalui sajak yang bersemangat dan memberi kesedaran kepada masyarakat ketika itu.

Sajak Malaya Pasti Merdeka karyanya sinonim dengan perjuangannya, sekali gus memartabatkan namanya bersama penulis terkemuka hingga kini.

Kedudukan Dr Mahathir yang terus cemerlang dan tahap kehidupannya yang unggul menyebabkan Afrini berfikir panjang sama ada untuk membayar RM30 yang berikan kepadanya kerana bimbang kalau-kalau ada yang salah tanggap.

"Walau apa keadaannya sekalipun saya bertekad untuk membayar kembali `hutang' itu kepada Dr Mahathir sama ada dia mahu menerimanya atau tidak, terserahlah.

"Masa paling sesuai ialah selepas dia bersara 31 Oktober nanti. Saya akan menunggu kesempatan terbaik untuk menghulurkan kembali wang RM30 yang pernah memberi makna yang cukup besar kepada saya ketika itu yang begitu terdesak tanpa wang untuk keperluan hari raya Aidilfitri," kata Afrini.

Menyingkap laluan kehidupan bersama Mahathir di sekitar Alor Star, Afrini berkata, walaupun mereka tidak rapat tetapi tetap mengenali hati budi masing-masing kerana ketika itu penduduk tidaklah seramai mana di sekitar Alor Star.

Katanya, Mahathir adalah insan istimewa bukan saja kerana mempunyai

semangat perjuangan tulen tetapi terkenal dengan sikap yang disenangi
ramai dan bekerja keras untuk memastikan cita-citanya tercapai.

Pemergiannya adalah satu kehilangan
yang tidak mungkin berganti
walau seratus tahun lagi
kerana sebutir mutiara berharga
tentunya akan memakan waktu untuk terbentuk
atau waktu itu yang akan memakannya
menjadi sisa-sisa tanpa wajah
terdampar di dasar laut

waktu itu kita akan tertanya dan ter cari
bilakah gemerlap mutiara yang pernah bersinar
akan muncul kembali bersama gemerlap suria
memecah rabung air gemersik menampan batu-batu
dan awan di pesisir gunung yang menghi jau.

waktu itu selemb ar demi selemb ar
benang kasih akan tersimpul di sudut hati
terpahat kukuh di sanubari
kerana naluri kita memang begitu
ketika dekat dibenci
ketika jauh dirindu.

(END)